

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU: 15 DISEMBER 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS
AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 4,10,12 HINGGA 18, 20,22 HINGGA 40)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, 5 HINGGA 9 DAN 11,
19, 21**

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PAD A
TARIKH
SOALAN:

LISAN
YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
15 DISEMBER 2010 (RABU)

YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar-dasar afirmatif Bumiputera semasa yang akan dirombak supaya ia menjadi lebih *market-friendly and merit-based* dan menuju kepada golongan Bumiputera berpendapatan 40 peratus yang terendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar afirmatif dilaksana bertujuan untuk menangani masalah ketaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Ini bagi memastikan semua golongan masyarakat Malaysia dapat menyertai dan menikmati hasil pembangunan negara secara adil dan saksama.

Pengenalan dasar ini melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1970-1990 tidak hanya bertujuan membantu golongan Bumiputera, tetapi juga memastikan semua rakyat berpeluang mendapat faedah daripada pembangunan negara. Strategi DEB, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik dan penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan etnik berasaskan fungsi ekonomi dilaksana dalam konteks ekonomi yang berkembang bagi memastikan semua kumpulan etnik dapat menyertai kegiatan ekonomi dan menikmati kekayaan secara adil dan saksama. Walaupun tempoh pelaksanaan DEB telah berakhir, namun semangat DEB masih relevan dalam konteks negara berbilang etnik yang penduduknya mempunyai tahap kemajuan serta pencapaian yang pelbagai.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), dasar afirmatif akan dilaksana berdasarkan pendekatan pembangunan secara inklusif. Pelaksanaan dasar berkenaan akan berasaskan kepada empat prinsip utama, iaitu mesra

pasaran (*market-friendly*), berdasarkan keperluan (*needs-based*), berasaskan merit (*merit-based*) dan ketelusan (*transparent*). Langkah mengkaji semula instrumen sedia ada akan terus dilaksanakan manakala instrumen baru akan diperkenalkan dari masa ke semasa ke arah pencapaian agenda pembangunan nasional. Tumpuan khusus diberi kepada kumpulan isi rumah 40 peratus terendah berdasarkan keperluan, termasuk golongan yang memerlukan perhatian di kalangan masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak, isi rumah miskin bandar dan luar bandar, penduduk kampung baru Cina dan pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari keupayaan yang berbeza di kalangan usahawan Bumiputera dari segi saiz dan aktiviti perniagaan mereka, pendekatan baru akan dilaksana dengan mengkategorikan syarikat Bumiputera mengikut tahap perniagaan. Prinsip berasaskan keperluan akan digunakan dalam membangunkan entrepris mikro melalui penyediaan pembiayaan, peningkatan keupayaan dan infrastruktur, berdasarkan kepada kriteria tertentu, dengan sasaran utama untuk memperbaiki taraf hidup Bumiputera dalam kumpulan isi rumah 40% terendah. Penyediaan sokongan bagi perniagaan di tahap pembangunan dan pertumbuhan serta syarikat pada tahap matang pula akan dilaksana berdasarkan merit dan mengambil kira keupayaan usahawan Bumiputera untuk tidak bergantung kepada bantuan Kerajaan.

SOALANNO: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI

TARIKH: 15 DISEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji inisiatif bonus atau dividen pencarum SOCSO puluhan tahun yang tidak mengalami kemalangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kementerian Sumber Manusia tidak bercadang untuk memberi inisiatif bonus atau dividen kepada pencarum PERKESO yang tidak mengalami kemalangan. Keputusan ini dibuat berlandaskan faktor-faktor berikut;

- a. Caruman kepada PERKESO bukanlah simpanan tetapi caruman yang berasaskan konsep insurans sosial iaitu “*solidarity and pooling of resources*” bertujuan untuk melindungi Orang Berinsurans (OB) serta orang tanggungan mereka sekiranya berlaku kejadian luar jangka seperti kemalangan, penyakit khidmat atau kematian. PERKESO menyediakan pelbagai faedah melalui dua skim iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Perlindungan melalui kedua-dua skim ini termasuk Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara Waktu, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Pinjaman Pendidikan, Pencen Penakat, Bantuan Ilat dan Faedah Pemulihan.**
- b. Caruman oleh pihak pekerja adalah pada kadar 0.5% dan oleh pihak majikan pada kadar 1.75% pada tahap gaji bulanan pekerja terhadap kepada RM3,000.00.**

2. Walau bagaimanapun, PERKESO mengambil maklum serta memberi perhatian berhubung dengan cadangan yang kemukakan oleh Yang Berhormat tetapi cadangan sedemikian berkemungkinan akan mempunyai implikasi ke atas kadar caruman oleh pekerja dan juga majikan.

<n(12 Ofj-lS <DisJ0)/Has...29.9.10/JlmanC4062S

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

(KUALA TERENGGANU)
15 DISEMBER 2010 (RABU)

TARIKH
SOALAN

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

ASAS TANI menyatakan:

Usaha Kementerian untuk membantu menyelesaikan masalah harga padi yang rendah, kadar pemutuan yang tinggi serta kelemahan pelaksanaan pembayaran subsidi bagi petani yang menanam padi di daerah Besut dan Setiu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

HARGA PADI YANG RENDAH

Harga padi adalah bergantung kepada harga pasaran dan berbeza-beza bagi semua tempat pengeluar padi kerana kualiti padi yang dikeluarkan setiap kawasan adalah berbeza-beza disebabkan faktor-faktor seperti sistem pengairan, penjagaan dan penggunaan bahan input pertanian seperti baja dan racun.

Bagi mengelakkan petani mengalami kerugian kerana harga padi yang rendah, di bawah Jaminan Harga Minimum (GMP) Kerajaan telah menetapkan harga

padi tidak boleh dijual kurang daripada RM750 setiap tan metrik. Kerajaan juga memberikan subsidi sebanyak RM248.10 di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) bagi setiap tan metrik padi yang dijual oleh petani berkenaan. Jika harga padi RM 1,000 per metrik tan, maka harga yang diperolehi adalah RM 1,248.10 per metrik tan. Selain daripada itu, bantuan juga akan terus diberikan melalui Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Insentif Pengeluaran Padi (IPP) bagi memastikan para petani dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti padi di kawasan mereka sekaligus memastikan jualan harga padi yang lebih kompetitif.

Bantuan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada petani diharap dapat membantu mereka dalam mengusahakan tanah sawah tersebut dan meningkatkan hasil dan kualiti padi yang dihasilkan.

Selain itu, isu ini juga berlaku disebabkan broker-broker padi yang tak berlesen yang mana menggugatkan kestabilan harga padi dimana broker-broker padi berlumba-lumba mendapatkan padi dan berlaku persaingan, harga padi yang sepatutnya sampai kepada petani telah dikaut untung oleh broker.

KADAR PEMUTUAN YANG TINGGI

Masalah pemutuan padi sebenar bergantung kepada kualiti padi yang dijual. Asas pemutuan yang diguna pakai adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) wap basah padi (wap basah melebihi 14% dikenakan pemutuan mengikut jadual pemutuan wap basah dengan menggunakan “moisture meter”); dan
- (ii) kekotoran, hampa, rosak dan padi muda. Sampel padi yang dijual diambil secara rawak dan dibuat analisa. Keputusan analisis dari sampel yang diambil dijadikan asas untuk pemutuan.

Secara purata, kualiti padi yang sebenar adalah perlu dipotong di antara 24% - 26% tetapi kilang-kilang padi ataupun BERNAS hanya membuat pemotongan antara 21 - 23% sahaja. BERNAS ataupun pengilang sebenarnya menanggung kerugian kerana potongan yang sepatutnya lebih tinggi

Sehubungan itu, melalui bantuan dan insentif yang diberikan dan program penerangan yang dilaksanakan diharap petani-petani dapat berusaha untuk meningkatkan kualiti padi mereka kerana ia akan meningkatkan hasil dan pendapatan mereka.

KELEMAHAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN SUBSIDI

Mengenai pelaksanaan bayaran subsidi harga padi di daerah Besut dan Setiu, mengikut semakan Kementerian mendapati tanah-tanah yang diusahakan oleh petani-petani terlibat merupakan tanah tol dan mengikut kelayakan bagi subsidi harga padi, tanah-tanah yang diusahakan hendaklah tanah hak milik kekal dan keluasan bagi setiap peserta ialah seluas 6 ekar.

NO. SOALAN

12

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)

TARIKH

: 15.12.2010 (RABU)

TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah kemajuan Malaysia dalam melaksanakan Dasar Harta Intelek Negara setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri

sempena Hari Harta Intelek Negara 2007. Tujuan utama DHIN adalah untuk memanfaatkan harta intelek sebagai salah satu aset ekonomi utama yang akan meningkatkan kemakmuran negara. Dasar ini juga bertujuan merealisasi hasrat kerajaan bagi memastikan harta intelek dapat menjana hasil pulangan maksimum bagi setiap aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang telah dieksploitasi oleh pihak awam mahupun swasta.

Usaha pelaksanaan DHIN adalah menjadi satu komitmen oleh Kerajaan Malaysia, antara pencapaian Malaysia dalam pelaksanaan DHIN adalah:-

1. Penubuhan Mahkamah khusus bagi Kes-kes Harta Intelek (Mahkamah Harta Intelek) sejak 17 Julai 2007

Kerajaan telah menubuhkan Mahkamah Harta Intelek khusus untuk menyelesaikan kes-kes Harta Intelek di negara ini.

2. Penyeragaman Prosedur Cap Dagangan melalui Perjanjian Nice & Vieiwa berkuatkuasa 28 September 2007

Penyeragaman Prosedur ini adalah seiring dengan keanggotaan Malaysia terhadap Perjanjian Antarabangsa Nice dan Vienna tersebut.

3. Peningkatan Kesedaran Harta Intelek kepada syarikat-syarikat berstatus MSC dan Pelaburan Bioteknologi.

Program aktiviti keusahawanan bertujuan untuk pembangunan pengetahuan dan penghasilan harta intelek.

4. Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) Yang Diadakan Setiap Tahun

HHIN adalah satu aktiviti tahunan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai harta intelek.

5. Pewujudan Anugerah Harta Intelek

Aktiviti tahunan yang diadakan bertujuan untuk menggalakkan budaya merekacipta dan kreativiti.

- 6. Memperkenalkan subjek IP di Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi**
Subjek IP diperkenalkan di peringkat pengajian tinggi agar pemahaman pengeksploitasian dan pengurusan harta intelek*Bo:leh dipupuk. ; i

•** ** * %/0, •

- 7. Peningkatan Kesedaran Mengenai Kepentingan Pendaftaran Harta Intelekt**

Peningkatan Permohonan Harta Intelekt mencerminkan tahap kesedaran pemohon tempatan tentang kepentingan perlindungan harta intelek melalui pendaftaran.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(BN) (LENGGONG)**

TARIKH 15 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar Bin Nasarah (BN) (Lenggong) minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:-

- a) **Adakah Kementerian bercadang menambah jumlah bantuan kepada golongan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ;
dan**

- b) Nyatakan statistik kes pembuangan bayi mengikut kaum dan negeri, serta apakah tindakan yang dilaksanakan sekarang kurang berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan skim-skim

bantuan kewangan untuk membantu

kumpulan sasar seperti kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), keluarga miskin dan warga emas.

Buat masa ini, Kementerian menggunakan kadar sedia ada yang telah diperkenalkan pada Januari 2008 bagi skim-skim bantuan yang disediakan melalui JKM. Kementerian lebih memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah yang merupakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diterajui oleh KPWKM menerusi pendekatan, dengan izin, *“Productive Welfare”*, *“Social Enterprise”* dan juga 1AZAM. Klien-klien JKM yang dikenalpasti produktif akan diberikan bantuan modal oleh JKM untuk menjalankan perniagaan ataupun aktiviti yang menjana pendapatan bersesuaian dengan konsep, dengan izin, *“Productive Welfare”*.

Selain itu, Kementerian melalui JKM telah menjalankan kerjasama pintar dengan syarikat-syarikat swasta untuk membantu memberikan modal dan khidmat latihan kepada klien-klien JKM yang produktif bagi menjalankan perniagaan bersesuaian dengan konsep, dengan izin, "*Social Enterprise*".

Berdasarkan statistik Polis Di-Raja Malaysia, jumlah kes pembuangan bayi dari tahun 2004 sehingga 9 Disember 2010 adalah sebanyak 571 kes. Negeri Selangor telah mencatat jumlah kes pembuangan bayi yang tertinggi iaitu sebanyak 147 kes dan diikuti oleh negeri Johor sebanyak 113 kes. Jumlah kes terendah pembuangan bayi dicatat di negeri Perlis iaitu dengan 1 kes.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan statistik kes pembuangan bayi mengikut kaum dan negeri, saya akan mengemukakan jawapan tersebut secara bertulis memandangkan maklumat yang dipohon adalah spesifik.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH

TARIKH: 15 DISEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L KRasih [Suibang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah tepat dan pecahan kaum bagi 34 peratus pekerja daripada 1.3 juta pekerja (jumlah yang dikaji) yang dikenal pasti dalam kajian Kementerian mendapat gaji bulanan kurang daripada RM700 iaitu di bawah garis kemiskinan RM720 sebulan (rujuk kenyataan Menteri di STAR 6.8.10).

PR-1233-L40226

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk meningkatkan gaji pekerja swasta di negara ini yang meningkat terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas dan mengambil kira peratus pekerja yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus bersamaan 442,000 orang pekerja daripada 1.3 juta jumlah pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup pekerja dan rakyat secara keseluruhannya.
2. Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan semasa membentangkan Bajet 2011. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.
3. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat menerusi bengkel dan makmal gaji minimum bagi mendapatkan kuantum gaji minimum yang sesuai

setelah mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

4. Pihak Kementerian Sumber Manusia ketika ini sedang mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal Akta Gaji Minimum Kebangsaan. Pelaksanaan gaji minimum perlu dibuat dengan berhati-hati kerana ia boleh memberi kesan ke atas ekonomi dan pekerjaan di negara ini sekiranya kadar yang ditetapkan terlalu tinggi. Contohnya Hong Kong yang baru-baru ini meluluskan undang-undang mengenai gaji minimum mengambil masa lebih 10 tahun membuat kajian dan pada masa ini pun Hong Kong masih belum melaksanakan gaji minimum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

Y.B. TUAN DING KUONG

TARIKH

HUNG

SOALAN

[SARIKEI]

15 DISEMBER 2010

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

- a) Cadangan produk pelancongan boleh dikemukakan oleh Kementerian di sepanjang Sungai Rejang di antara Bandar Sibul, Pekan Bintagor dan Bandar Sarikei serta Tanjung Manis; dan
- b) Nyatakan jenis-jenis produk pelancongan telah diperkenalkan di kawasan Parlimen Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sarikei adalah sebuah daerah di mana jaraknya lebih kurang 100 kilometer dari Bandar Sibu. Sarikei juga dikenali sebagai daerah pertanian kerana menghasilkan tanaman Lada Sarawak dan tanaman Nanas yang terkenal di Malaysia.

Untuk makluman Yang di-pertua, Kementerian Pelancongan dan agensinya Tourism Malaysia telah mengenai pasti beberapa produk pelancongan di Sarikei seperti:

- (i) Sebangkoi Deer Farm yang terletak kira-kira 20 minit perjalanan dari Sibu. Ladang rusa ini terkenal dengan daging dan tanduk rusa untuk kegunaan ubatan tradisional masyarakat Cina.
- (ii) Sebangkoi Forest Park yang terletak berseberangan jalan dengan Sebangkoi Deer Farm. Lokasi ini lebih terkenal sebagai tapak eko-pelancongan serta kawasan rekreasi.
- (iii) Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Sarikei

juga terkenal dengan produk kraf tangan tradisional seperti penenunan songket Rejang di Kampung Kuala Rejang dan pemprosesan Udang Kering Salai (Sesar Unjur) di Kampong Belawai.

Bagi produk-produk baru yang akan dipromosikan oleh Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia termasuk:

- (i) Homestay Ulu Sarikei. Homestay ini masih dalam proses pendaftaran dengan Kementerian Pelancongan. Kini terdapat seramai 15 peserta daripada rumah panjang Ulu Sarikei yang berminat untuk mengusahakan homestay tersebut. Peserta-peserta ini telah pun menghadiri Kursus Asas Homestay pada 23 November 2009. Setelah rumah-rumah ini lulus pemeriksaan oleh pihak Kementerian Pelancongan maka, homestay ini akan dipromosikan di Malaysia dan di pasaran antarabangsa bersama-sama dengan semua homestay yang telah berdaftar.

- (ii) AirTeriun Palak Munsoh. Airteriun ini mempunyai daya tarikan sebagai salah satu produk eko-pelancongan yang mempunyai potensi yang tinggi untuk menarik

pelancong. Air terjun ini terletak berhampiran dengan Homestay Ulu Sarikei dan boleh dipakejkan bersekali sebagai salah satu aktiviti homestay berkenaan apabila ia didaftarkan nanti.

- (iii) Lumbona Rentap. Ia terletak di Bukit Sibau, Pakan. Produk pelancongan ini mempunyai daya tarikan tersendiri di mana ia adalah sebuah kawasan perkuburan bersejarah yang turut menjadi tempat perkuburan salah seorang pahlawan tempatan bernama Rentap.

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN (PKR) (AMPANG)

TARIKH 15 DISEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah Kerajaan ada memikirkan serta merangka langkah-

langkah yang lebih holistik bagi memastikan kegiatan pelacuran dan zina dapat dikurangkan selain dari membina pusat-pusat jagaan bagi wanita-wanita mengandung kerana zina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap kegiatan pelacuran dan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung. Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menangani kegiatan pelacuran dan perbuatan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama daripada ibu bapa dan ahli keluarga, agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam, badan-badan bukan Kerajaan, sektor korporat dan masyarakat umum amat penting dalam usaha membendung masalah ini secara bersama. Setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama Kerajaan membendung masalah ini daripada terus berleluasa.

Dalam usaha menangani kegiatan membanteras tersebut juga, Kementerian

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang berpotensi untuk terdedah kepada bahaya moral;**
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;**

Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);

Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain daripada itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan untuk memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kesukaran untuk ibu bapa menghadiri kursus atas faktor kesibukan di pejabat serta komitmen

terhadap keluarga; dan Mewujudkan Pusat Remaja Kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]
TARIKH	15 DISEMBER 2010
SOALAN	

Datuk Abd. Rahman Bin Bakri [Sabak Bernam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah Kementerian bagi mengawal penggunaan antibiotik dengan sewenang-wenangnya dalam rawatan penyakit dan sejauh manakah gen baru Bakteria New Delhi Metallo Beta Lactamase (Gen NDM-1) telah dikesan di negara ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kuman '*superbug*' mula dikesan pada tahun 2008 dari seorang pesakit yang berasal dari India berstatus warganegara Sweden yang telah menjalani rawatan perubatan di salah satu hospital di New Delhi, India. Rentetan daripada itu lebih banyak kes melibatkan '*st/per bug*' mula direkodkan di seluruh dunia atau secara lebih spesifik di India, Pakistan, dan United Kingdom.

Berikutan dengan itu Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan langkah berjaga-jaga bagi mengesan kes jangkitan yang melibatkan bakteria ini dengan mengarahkan pihak Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menjalankan

ujian bagi mengenal-pasti serta pengesahan bakteria membawa gen NDM-1. Langkah pengawasan (*surveillance*) telah dimulakan di mana semua hospital di seluruh Malaysia telah diarahkan untuk menghantar sampel bakteria yang menunjukkan corak rintangan tinggi terhadap kebanyakan antibiotik yang diuji kepada I MR untuk ujian lanjut.

Sehingga bulan September 2010, hanya terdapat satu kes positif gen NDM-1 yang dikesan. Setelah diselidik dengan lebih mendalam, didapati kes ini adalah melibatkan kes '*colonization*' yang bermakna pesakit tidak mendapat jangkitan daripada bakteria ini, tetapi hanya merupakan pembawa bakteria ini. Tindakan susulan terhadap kes ini telah dijalankan, dan ujian lanjut menunjukkan kes ini tidak lagi dikolonisasi (*colonised*) oleh bakteria tersebut.

Secara umumnya pesakit-pesakit yang disyaki terlibat mempunyai jangkitan bakteria '*superbug*' akan diletakkan di bawah pengawasan unit kawalan infeksi hospital bagi memastikan agar bakteria ini tidak akan disebarkan dari pesakit terlibat kepada sama ada pesakit lain atau kakitangan kesihatan yang bertugas agar masalah ini dapat dikawal pada peringkat awal.

Bagi memastikan penggunaan antibiotik tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, Garispanduan Penggunaan Antibiotik di Hospital dan Klinik Kesihatan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk dijadikan panduan oleh semua Pegawai Perubatan di hospital dan klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan. Penggunaan antibiotik juga diawasi oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Selain itu, penggunaan antibiotik dan rintangan terhadap antibiotik juga diawasi oleh Jawatankuasa Kawalan Infeksi dan Antibiotik Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

SOALAN NO 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATO' HAJI AB. RAHIM BIN RAHMAN
PENGKALAN CHEPAJ

TARIKH

15 DISEMBER 2010

SOALAN

Dato' Haji Ab. Rahim bin Rahman (Pengkalan Chepa) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian pihak Kementerian bagi menangani gejala pembunuhan secara kejam yang berlaku dalam negara. Antara faktor yang boleh dikenalpasti ialah ianya berkait dengan kesihatan mental anggota masyarakat. Apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menggubal kursus-kursus khas mengenai kesihatan mental untuk diperkenalkan kepada masyarakat yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Gejala pembunuhan kejam yang berlaku di dalam negara boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Walau bagaimanapun, kajian di Amerika Syarikat, New Zealand dan Scandinavia ada menunjukkan bahawa mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, alkohol dan yang mempunyai penyakit mental iaitu skizofrenia yang tidak dirawat berisiko untuk melakukan keganasan. Oleh itu, Kementerian ingin menegaskan bahawa **tidak semua** kes yang telah dikenalpasti berpenyakit mental berkait dengan keganasan. **Pesakit yang telah stabil dan didiscaj dari hospital** mempunyai **risiko yang amat rendah** untuk melakukan keganasan termasuk pembunuhan kejam.

Tuan Yang Dipertua,

Penyelesaian gejala pembunuhan kejam dalam masyarakat adalah tanggungjawab bersama pelbagai pihak. Di pihak Kementerian Kesihatan, bagi menangani masalah kesihatan mental masyarakat, Kementerian telah pun mewujudkan Program Kesihatan Mental Komuniti yang menggariskan strategi promosi kesihatan mental, pengesanan awal penyakit mental, rawatan serta pemulihan psikososial. Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental kepada masyarakat dilaksanakan melalui saringan tahap kesihatan mental, pameran, forum, seminar dan latihan kemahiran daya tindak. Bagi merawat pesakit mental, Kementerian menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 institusi mental dan 38 buah hospital kerajaan seluruh Malaysia dengan sejumlah 223 pakar psikiatri. Pesakit yang telah tamat rawatan di hospital akan terus menerima rawatan di peringkat komuniti sebagai pesakit luar di klinik pakar psikiatri di hospital atau di klinik-klinik kesihatan yang berdekatan dengan rumah mereka. Selain itu juga, kerajaan menawarkan perkhidmatan pemulihan psikososial bagi pesakit mental untuk meningkatkan kefungsi psikososial agar boleh berintergrasi ke dalam masyarakat.

Kementerian telah dan akan terus melaksanakan kursus-kursus seperti kursus kemahiran daya tindak menangani stres kehidupan memandangkan stres yang berpanjangan boleh menyebabkan individu mendapat masalah mental seperti kemurungan dan boleh membawa kepada masalah tingkahlaku seperti penyalahgunaan substans dan alkohol. Peranan ahli keluarga dalam penjagaan pesakit mental termasuk mereka yang mengalami masalah penyalahgunaan dadah/alkohol juga penting bagi memastikan masalah mereka tidak *berulang*. Oleh itu, Kementerian juga mempunyai perancangan untuk menggubal kursus- kursus yang melibatkan kumpulan sokongan keluarga (*Family Support Group*) bagi mempertingkatkan kemahiran dalam penjagaan ahli keluarga mereka yang berpenyakit mental.

Kementerian Kesihatan ingin menyeru agar masyarakat lebih peka terhadap kesihatan mental dan mengambil berat tentang tahap kesihatan mental ahli-ahli keluarga mereka. Ahli keluarga perlu sentiasa memastikan sekiranya ada di antara ahli keluarga atau saudara mereka yang disyaki mengalami penyakit mental, perlu

membawa mereka secepatnya segera mendapatkan rawatan di fasiliti-fasiliti kesihatan. Ahli keluarga juga perlu pastikan pesakit-pesakit ini patuh (komplian) mengambil ubat supaya mereka tidak “relapse” dan boleh menyebabkan kemudaratan kepada diri mereka sendiri atau orang di sekeliling mereka.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION

BIN ISMAIL MACHANG 15.12.2010

KAWASAN

(RABU)

TARIKH NO.

A 20

SOALAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berikutan kejatuhan Pelaburan Langsung Asing (FDI), sejauh manakah lanya memberikan impak kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) negara.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Keiatuhan pelaburan asing sebanyak 81% pada tahun 2009 tidak memberikan kesan yang ketara ke atas perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini. Ini dibuktikan melalui pertumbuhan nilai ditambah PKS yang lebih pesat.

pesat menjangkau pertumbuhan KDNK keseluruhannya semenjak tahun 2004. Untuk tempoh 2004 hingga 2009, pertumbuhan nilai ditambah PKS meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 7.8% berbanding dengan 5.5% bagi pertumbuhan KDNK keseluruhan. Sumbangan PKS kepada KDNK negara juga meningkat dari 29% pada tahun 2005 kepada 31% pada tahun 2009. Faktor utama yang menyumbang kepada trend pertumbuhan dalam tempoh masa tersebut adalah dasar yang mantap oleh Kerajaan, khususnya dengan penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada tahun 2004 yang menghasilkan penvelarasan dasar dan program yang lebih baik di kalangan pelbagai Kementerian dan Agensi dalam mencapai matlamat yang sama.

Nilai ditambah PKS diunjurkan akan berkembang sebanyak 8 - 8.5% pada tahun 2010 berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 6%.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari kepentingan PKS dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang seimbang, inklusif dan mapan. Melangkah ke hadapan, selaras dengan Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia KeSeouluh (RMKe-10) yang menetapkan pelaburan domestik antara tunjang utama

menggerakkan pertumbuhan ekonomi, PKS tempatan berpotensi tinggi akan membantu matlamat tersebut dengan sokongan svarikat-svarikat besar tempatan. PKS dijangka akan mendapat peibagai peiuang perniagaan daripada peiaburan domestik tersebut.

Peian Induk PKS (2011-2020) yang sedang digubal akan meioniakkan peranan PKS sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi negara yang mapan, seimbang dan memberangsangkan. Pelan Induk tersebut akan menyediakan peibagai langkah yang pragmatik dan berwawasan dalam membangunkan PKS yang kompetitif di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah berterusan dalam memperkasakan PKS negara ini sebagai salah satu sumber strategik pertumbuhan ekonomi negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)
TARIKH	15.12.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran menyalurkan subsidi untuk semua sekolah ke atas caj-caj IWK dan apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan beban sekolah-sekolah terhadap caj-caj IWK itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak memberi subsidi bagi pembayaran bil Indah Water Konsortium (IWK). Sistem pembayaran secara pukal dilaksanakan bagi Sekolah Kerajaan bagi semua utiliti termasuk bil IWK. Sekolah Bantuan Kerajaan boleh menggunakan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) untuk pembayaran utiliti termasuk bil IWK. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sekolah yang mempunyai bil IWK yang tinggi akibat kebocoran paip air dan bil sekolah- sekolah tersebut sedang diselaraskan oleh IWK berdasarkan laporan yang disahkan oleh Syarikat Air Negeri.

SOALAN (23)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
(PADANG BESAR)
TARIKH : 15 DISEMBER 2010
(RABU)

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai dasar terkini dalam sistem pelupusan sisa bagi penjanaan kuasa elektrik, dan apakah arahan Kerajaan kepada Syarikat Alam Flora ke arah matlamat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), Kerajaan komited untuk mengambil kira penggunaan teknologi baru untuk menambah baik pelupusan dan rawatan sisa pepejal sedia ada. Teknologi yang dimaksudkan termasuklah antaranya loji *incinerator*, kaedah *composting*, loji *anaerobic digester*, *material recovery facility (MRF)* dan loji *refuse derive fuel (RDF)* yang boleh menjana tenaga diperbaharui termasuk kuasa elektrik. Malah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari yang dibina juga berpotensi untuk menghasilkan kuasa elektrik.

Pembinaan kemudahan-kemudahan rawatan dan pelupusan dengan menggunakan teknologi baru yang disebut di atas adalah terbuka kepada semua pihak dan tidak terhad kepada Alam Flora Sdn. Bhd sahaja. Dalam hal ini, dibawah penswastaaan, skop utama Alam Flora hanyalah bertanggungjawab melaksanakan kerja kutipan dan pengangkutan sisa pepejal isi rumah.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Disember 2010

NO. AUM NO. AUP

: ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBU]

TARIKH 15 DISEMBER 2010

RUJUKAN 3159

SOALAN:

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jawapan kepada cadangan MCA bahawa kewarganegaraan Malaysia diberi kepada pemegang kad pengenalan berwarna merah berumur lebih dari 60 tahun dan mempunyai anak yang berkewarganegaraan Malaysia. Jika cadangan tersebut ditolak, apakah alasannya.
Tuan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut

JAWAPAN:

yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan dan penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada seseorang warga asing adalah tertakluk kepada Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, penentuan taraf kewarganegaraan seseorang secara automatik hanya boleh dilakukan berdasarkan Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan cara kuatkuasa undang-undang dimana sekurang-kurangnya ibu atau bapanya hendaklah bertaraf warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap semasa seseorang itu dilahirkan. Ini bermakna Pemastautin Tetap Malaysia yang berumur melebihi 60 tahun dan tinggal di Malaysia melebihi 12 tahun, layak mengemukakan permohonan warganegara tetapi kelulusan bukannya secara automatik.

Tuan Yang Dipertua,

Pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan satu anugerah tertinggi kepada warga asing dan kelulusannya adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Kementerian Dalam Negeri memandang serius dan sentiasa berhati-hati di dalam mempertimbangkan setiap permohonan taraf kewarganegaraan seseorang itu. Syarat-syarat seperti berikut yang termaktub di dalam

Perlembagaan Persekutuan perlu dipatuhi bagi seseorang yang ingin menjadi warganegara:

- i) Berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan**
- ii) Berkelakuan baik**
- iii) Mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu**

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sememangnya memberi perhatian kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh mereka yang berumur melebihi 60 tahun atas faktor kesetiaan dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara sepertimana yang sedang kita kecapai kini. Untuk itu, Kementerian Dalam Negeri memberi keutamaan dari segi pemprosesan permohonan warganegara bagi mereka yang berumur melebihi 60 tahun.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2010

(RABU)

SOALAN (25)

SOALAN

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU SELANGOR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat banyak projek perumahan yang terbengkalai ataupun terbiar di kawasan Hulu Selangor, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk membaik pulih kawasan- kawasan perumahan ini untuk didiami dan dijual.

JAWAPAN
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2010, bilangan projek perumahan swasta yang diisytiharkan terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Negeri Selangor adalah sebanyak 41 projek. Daripada jumlah ini, bilangan projek perumahan swasta terbengkalai yang direkodkan bagi kawasan Hulu Selangor adalah sebanyak 5 projek yang terdiri daripada satu (1) projek masih di peringkat awal perancangan pemulihan dan empat (4) projek yang sedang dipulihkan dan berada di peibagai peringkat pemajuan.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah dan sedang mengambil beberapa langkah bagi memulihkan unit-unit rumah projek tersebut untuk didiami atau dijual. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) mengenai pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;**

- b) menyediakan peruntukan bagi menampung kekurangan kos (*topping-up*) untuk memulihkan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana.**

- c) mengadakan perundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai;**

- d) menyelaras usaha pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai seperti mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, perbincangan terbuka dan program dialog dengan pembeli;**

- e) memantau dan menyelaras pemulihan bagi kesemua projek perumahan swasta terbengkalai. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa**

Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

- f) mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118); dan**
- g) melaksanakan usaha pemantauan dan penyelarasan yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai melalui Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.**

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Disember 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT SOALAN NO: 26

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KARPAL SINGH

TARIKH: 15 DISEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu polisi gaji terendah (minimum wage policy) bersama dengan butir-butir yang berkenaan.

PR-1233-L40917

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan semasa membentangkan Bajet 2011. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenai pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011**
- 2. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat menerusi bengkel dan makmal gaji minimum bagi mendapatkan kuantum gaji minimum yang sesuai**

setelah mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, *World Bank* akan dilantik sebagai juru perunding kajian gaji minimum untuk mengkaji pelaksanaan terbaik dan menilai kesan gaji minimum ke atas pasaran buruh dan ekonomi Negara terutamanya dari aspek:

- i. guna tenaga
- ii. produktiviti
- iii. pelaburan
- iv. perbelanjaan Kerajaan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

TARIKH : 15 DISEMBER 2010

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menimbang permintaan **CUEPACS** agar had persaraan kakitangan a warn dilanjutkan

kepada 60 tahun dan sejauh mana perbincangan mengenai isu ini diadakan.

JAWAPAN : **YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kali terakhir umur persaraan wajib dinaikkan ialah pada 1 Julai 2008, iaitu daripada 56 tahun kepada 58 tahun. Persaraan wajib diperingkat umur 58 tahun telah hanya bermula pada 1 Julai 2010. Adalah wajar Kerajaan mengambil masa, untuk melihat dan mengkaji kesan peningkatan umur persaraan wajib yang lalu itu, sebelum membuat apa-apa keputusan melanjutkannya melampaui 58 tahun.

Antara pertimbangan penting yang perlu diambilkira ialah:

Pertamanva. kesan pelanjutan umur persaraan ke atas pasaran buruh negara, termasuk peluang kerja generasi lepasan sekolah, kolej dan universiti ketika ini.

Keduanva. keperluan sumber manusia sektor-sektor tertentu di dalam perkhidmatan awam, yang semestinya berbeza antara jenis-jenis

NO. SOALAN:27

perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Ketiganva, kesan pelanjutan umur persaraan wajib ke atas usaha Kerajaan ke arah "*rightsizing*", kalau pun tidak mengecilkan perkhidmatan a warn demi mengurangkan kos operasi Kerajaan tan pa menjejaskan perkhidmatan untuk rakyat.

Keempatnva, tahap kesihatan anggota perkhidmatan awam, terutamanya menjelang umur persaraan 58 tahun, khususnya sama ada mereka mampu untuk terus bekerja atau tidak.

Tuan Yang Di Pertua

Sekiranya dipersetujui, cadangan melanjutkan umur persaraan wajib wajar dilaksanakan bersekali dengan terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru bagi mendukung usaha untuk mentransformasi sektor awam ke tahap yang lebih cemerlang. Semua ini memerlukan pertimbangan yang terperinci.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO : 28

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA LISAN
TARIKH DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] 15
SOALAN : DISEMBER 2010 (RABU)

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Berhasrat melaksanakan *Nationalization* konsesi lebuhraya selepas ada dua permohonan dari Syarikat Asas Serba Sdn. Bhd. dan MMC untuk mengambil alih semua konsesi jalan tol di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan proses *Nationalization* konsesi lebuhraya bertol dan akan terus menghormati setiap perjanjian penswastan lebuhraya yang telah ditandatangani dengan semua syarikat konsesi. Ini bertujuan memberi isyarat jelas kepada pelabur bahawa Kerajaan akan memenuhi setiap obligasi yang telah dibuat sebelum ini. Sehingga kini Kerajaan juga belum bercadang untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada syarikat swasta untuk mengambil alih semua konsesi lebuhraya bertol di seluruh negara.

SOALAN NO : 29

PERTANYAAN : PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

DARIPADA

JAWAPAN LISAN

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN

TARIKH

MOHAMED [PULAI]

15 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta PERDANA MENTERI

menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meliberalisasikan ekonomi negara selari dengan dasar 1 Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep 1 Malaysia bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara kaum bagi memastikan perpaduan yang lebih erat. Matlamat 1 Malaysia juga untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya maju, produktif dan berdaya saing. Ke arah mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah mengambil peibagai langkah bagi memastikan rakyat dapat menikmati faedah daripada kemakmuran yang dijana dalam peibagai bidang termasuk ekonomi, politik dan juga sosial. Antara langkah tersebut termasuk memperkenalkan Model Baru Ekonomi (MBE) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju. MBE mampu membawa ekonomi negara kepada pengagihan yang lebih adil kerana mempunyai ciri-ciri inklusif dan mapan yang selari dengan konsep 1 Malaysia.

MBE, yang diterjemahkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), akan dilaksana berdasarkan pendekatan inklusif dengan mengambil kira pelbagai sudut dan sasaran yang ditetapkan berasaskan empat perspektif

termasuk perspektif 1 Malaysia. Melalui perspektif ini, program yang inklusif akan dilaksanakan, bertujuan

SOALAN NO : 30

menyediakan peluang yang saksama kepada semua rakyat Malaysia untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi. Sasarannya adalah untuk mencapai komposisi ekonomi yang lebih siimbang dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dan pemilikan perniagaan yang mempunyai nilai ditambah tinggi.

Dalam konteks ini, program RMKe-10 akan diorientasi berdasarkan empat prinsip utama iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit dan ketelusan bagi menyokong matlamat pembangunan negara dan menyediakan asas yang kukuh ke arah membentuk masyarakat yang lebih progresif dan bersatu padu. Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti memodenkan peraturan perniagaan, meliberalisasi sektor perkhidmatan dan menjadikan pasaran kerja lebih fleksibel ianya akan berupaya mewujudkan persekitaran ekonomi yang lebih mesra pelabur, menggalakkan persaingan serta memacu pertumbuhan ekonomi secara lebih pantas.

Kerajaan turut memperkenalkan Akta Persaingan (*Competition Law*) untuk memastikan persaingan yang sihat dalam pasaran dan menjamin hak pengguna. Kerajaan juga telah memansuhkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing bagi merangsang pertumbuhan dan menggalakkan kemasukan pelaburan swasta yang lebih tinggi.

Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah untuk merekayasakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan memastikan GLC tersebut membantu syarikat tempatan. Kebanyakan syarikat tempatan mempunyai kepakaran yang tinggi dan perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam melaksanakan projek.

Dari segi perolehan, Kerajaan telah menetapkan setiap kontrak Kerajaan perlu dijalankan secara telus, menerusi sistem bidaan yang kompetitif dan terbuka kepada semua pihak yang layak. Segala informasi berkenaan bidaan termasuk nama pembida, projek beserta nilai sesuatu projek akan dipaparkan dalam laman sesawang e-Perolehan yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang dipengerusikan bersama oleh Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Y. Bhg. Tan Sri Yong Poh Kon dari sektor swasta terus berusaha untuk mengurangkan birokrasi Kerajaan bagi mewujudkan suasana yang lebih mesra

perniagaan. Sekaligus usaha ini meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan serta mengekalkan daya tarikan Malaysia sebagai lokasi pelaburan terpilih. Antara inisiatif

penambahbaikan yang dilaksanakan oleh PEMUDAH adalah Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) dan MyCOID iaitu nombor identiti tunggal untuk berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah menstruktur semula subsidi berasaskan mekanisme pasaran. Namun, langkah ini akan dilaksanakan secara berperingkat seperti harga petrol, gula, tepung, beras dan minyak masak. Ini kerana Kerajaan prihatin terhadap kesejahteraan rakyat supaya kenaikan harga tidak begitu membebankan rakyat. Kerajaan yakin dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, usaha murni Kerajaan untuk meliberalisasikan ekonomi akan berjaya. Malaysia Boleh!

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH** **LISAN
TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK
] 15 DISEMBER 2010 (RABU)**

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Aii [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Model Baru Ekonomi dan jaminan Kerajaan bahawa dasar ini tidak akan menjejaskan program affirmative action untuk golongan yang memerlukan tanpa mengira kaum. Apakah model ini akan mengekalkan kuota 30 peratus pegangan ekuiti Bumiputra yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telahpun melancarkan Bahagian Akhir kepada Laporan Model Baru Ekonomi pada 3 Disember 2010. Sepertimana yang sedia maklum, Majlis Penasihat Ekonomi Negara telah mensasarkan suatu ekonomi yang berpendapatan tinggi, terangkum dan mampan bagi Malaysia menjelang tahun 2020 melalui pelaksanaan 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik iaitu: Mendaya kembali sektor swasta; Membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing; Mengukuhkan sektor awam; Tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran; Membina infrastruktur berasaskan pengetahuan; Meningkatkan sumber pertumbuhan; dan Memastikan

NO. SOALAN

kebolehmampuan pertumbuhan. Seperti yang telah

dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri semenjak MBE diperkenalkan pada 30 Mac 2010, Tindakan Afirmatif dibawah MBE akan dilaksanakan berasaskan 4 prinsip teras iaitu mesra pasaran, telus, berdasarkan merit dan keperluan. Telahpun dijelaskan bahawa penekanan terhadap nasib golongan isi rumah 40% terbawah akan diutamakan tanpa mengambil kira latar belakang kaum etnik. YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan dalam RMK-10 bahawa sasaran 30% pegangan ekuiti bumiputera akan terus dilaksanakan tetapi pada tahap makro sahaja dimana pelaksanaan akan beralih dari pendekatan pemberian ekuiti kepada pendekatan meningkatkan keupayaan dan kebolehan usahawan bumiputera untuk berdaya saing, menambahkan pemilikan harta oleh bumiputera melalui kaedah pengumpulan dana dan pelaburan oleh institusi serta mempromosikan penyertaan bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi.

NO AUM

*Mo **?;*

JAWAPAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD**
 [SIPITANG]
TARIKH **15 DISEMBER 2010**
RUJUKAN **3242**

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tindakan yang telah diambil terhadap penjenayah siber yang menyalahgunakan kemudahan Internet untuk menyebarkan pelbagai fitnah, penipuan dan propaganda

yang boleh mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sipitang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, setakat ini, sebanyak 36 kes telah diambil tindakan oleh pihak polis berkaitan fitnah dan hasutan manakala 1,816 kes berkaitan penipuan melalui internet. Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan peibagai pihak bagi membendung perkara ini dari berleluasa seperti sentiasa bekerjasama erat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia disamping menggunakan undang-undang pencegahan yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN (32)

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2010
(RABU)**

SOALAN

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Kementerian tidak berhasrat membantu PBT-PBT di negeri-negeri lain seperti peruntukkan RM13.9 juta kepada PBT di Negeri Sembilan seperti yang tersiar dalam Warta Wilayah keluaran 1 hingga 15 Ogos lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM13.9 juta yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan sepertimana yang dilaporkan dalam Warta Wilayah merupakan pemberian Geran Tahunan Kerajaan Persekutuan kepada PBT. Untuk makluman, semua PBT di Malaysia menerima Geran Tahunan tersebut melalui formula pengiraan yang telah ditetapkan.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Disember 2010

NO. AUM : 15

NO. AUP : V*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM

[KAPAR]

TARIKH 15 DISEMBER 2010

RUJUKAN 3157

SOALAN

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan terlibat dalam usaha mengubah Keagamaan Rakyat Malaysia dalam kad Pengenalan tanpa pengetahuan mereka juga nyatakan kenapa ramai rakyat bukan Islam disenaraikan sebagai Islam dalam kad pengenalan mereka dan usaha-usaha untuk membendung kejadian tersebut tidak berlaku lagi.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta agama di dalam Kad Pengenalan tidak boleh diubah dengan sewenang-wenangnya kerana setiap pindaan maklumat tersebut perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan. Pindaan maklumat di dalam Kad Pengenalan tidak boleh dibuat sekiranya tiada permohonan dibuat oleh pemohon itu sendiri. Jadi, kenyataan kerajaan terlibat dalam mengubah keagamaan rakyat Malaysia tanpa pengetahuan mereka adalah tidak benar.

Kerajaan meminta mana-mana individu bukan Islam yang mempunyai perkataan Islam untuk tampil di pejabat JPN bersama-sama pembuktian atau arahan mahkamah untuk dibetulkan.

**PEMBERITAHUN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)
LISAN**

PERTANYAAN

15.12.2010

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid Bin Ibrahim (Bandar Tun Razak) minta
TARIKH MENTERI KEWANGAN menyatakan peruntukan bagi
tahun 2010 telah mengalami pengurangan sebanyak 11.2
peratus berbanding peruntukan dipinda bagi tahun 2009. Nyatakan
agensi atau program manakah yang terlibat dengan pengurangan
peruntukan ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

**Untuk makluman Yang Berhormat, Peruntukan Asal bagi Anggaran
Perbelanjaan 2010 adalah berjumlah RM 189.50 bilion iaitu
pengurangan sebanyak RM27.21 bilion atau 12.6% berbanding
peruntukan dipinda 2009 (berakhir Disember 2009) sebanyak
RM216.71 bilion. Pengurangan yang ketara adalah melibatkan
Anggaran Peruntukan Mengurus 2010 berjumlah RM 138.28 bilion
yang berkurang sebanyak RM24.59 bilion atau 15.1% berbanding
peruntukan dipinda Mengurus bagi tahun 2009 yang berjumlah
RM162.87 bilion. Tindakan mengurangkan perbelanjaan mengurus
pada tahun ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan**

keuangan kerajaan di mana defisit negara telah diunjurkan untuk dikurangkan kepada 5.6% berbanding 7.0% pada tahun 2009.

Untuk mencapai matlamat mengurangkan defisit negara, Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan kepada Jabatan-jabatan dan Agensi Kerajaan agar lebih berhemah, berjimat cermat dan telus dalam membelanjakan wang kerajaan agar tidak berlaku pembaziran. Keutamaan bajet adalah bagi program dan aktiviti yang melibatkan kesejahteraan rakyat. Kementerian Kewangan tidak menetapkan mana-mana program anjuran pihak kerajaan untuk dibatalkan malah pihak kementerian diberi kelonggaran untuk mengenai pasti program-program yang lebih penting untuk dilaksanakan bersesuaian dengan peruntukan kewangan yang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang telah diambil ke atas program/aktiviti yang terlibat dalam pengurangan ini adalah urusan perjalanan/lawatan dalam dan luar negeri dengan menghadkan perjalanan dan bilangan pegawai yang terlibat menjalankan tugas rasmi, penyusunan semula organisasi tanpa melibatkan pertambahan perjawatan, mengurangkan perbelanjaan berkaitan keraian dan mengawal perbelanjaan-perbelanjaan lain yang kurang penting. Langkah ini memberi peluang kepada semua kementerian dan agensi kerajaan menilai semula program dan aktiviti sedia ada dan menyusun semula keutamaan program dan aktiviti masing-masing yang memberi impak tinggi kepada rakyat terutamanya kepada golongan miskin dan yang mudah terjejas akibat perubahan senario ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan juga bahawa antara Kementerian dan agensi yang mengalami pemotongan dengan jumlah yang besar bagi Anggaran Peruntukan Mengurus tahun 2010 berbanding peruntukan dipinda tahun 2009 adalah Kementerian Kewangan sebanyak RM14.90 bilion, Kementerian Pelajaran (RM1.83 bilion), Kementerian Pertahanan (RM1.55 bilion), Kementerian Pengajian Tinggi (RM1.48 bilion), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM1.31 bilion dan Kementerian Kesihatan sebanyak RM 684 juta. Walau bagaimanapun, bagi memastikan program/aktiviti Kementerian dan Agensi tidak terjejas, peruntukan tambahan bagi beberapa program/aktiviti yang mendesak telah disediakan dan diluluskan di Parlimen pada sesi yang lepas. Antara kementerian yang diluluskan peruntukan tambahan adalah Kementerian Kewangan (RM1.11 bilion), Kementerian Pelajaran (RM 972 juta), Kementerian Pertahanan (RM 600 juta), Kementerian Pengajian Tinggi (RM 400 juta), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (RM 400 juta) dan Kementerian Kesihatan (RM 510 juta).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH : 15 DISEMBER 2010

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta PERDANA MENTERI

menyatakan bilangan pelajar tajaan Kerajaan yang melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam pelbagai bidang profesional yang telah pulang untuk berkhidmat di negara ini selepas tamat pengajian sejak tahun 2008. Berapa peratuskah antara pelajar ini memilih untuk tidak pulang untuk berkhidmat dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua yang mendapat biasiswa Kerajaan bekerja dalam Perkhidmatan Awam sebaik sahaja mereka tamat pengajian.

JAWAPAN :

YB. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Kesemua pelajar tajaan biasiswa JPA yang dihantar keluar negara dalam pelbagai bidang profesional (Kejuruteraan, Undang-undang, Senibina dan Perakaunan) telah kembali ke tanah air sejak tahun 2008 adalah seramai 1,427 pelajar (100 peratus).

Penajaan pelajar adalah untuk berkhidmat dengan Kerajaan dan Negara. Kerajaan telah mewajibkan semua pelajar tajaan di luar negara kembali ke tanah air dan mendaftar dengan Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selepas menamatkan pengajian bagi tujuan pelantikan ke dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan

NO. SOALAN: 35

tidak memberikan jaminan kepada pelajar di bawah tajaan JPA untuk mendapatkan pekerjaan di dalam sektor Kerajaan sebaik sahaja mereka tamat pengajian. Sekiranya pelajar masih tidak dilantik dalam tempoh dua belas bulan kalender daripada tarikh kembali ke tanah air atau tarikh mendaftar dengan Pihak Berkuasa Melantik, yang mana terkemudian, maka pelajar boleh memohon pelepasan daripada ikatan kontrak kepada JPA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Eric Enchin Majimbun
Tarikh Menjawab	15 Disember 2010 [Rabu]
Soalan	[No. 36]

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan kadar pertumbuhan tanaman kelapa sawit, getah dan koko. Apa pandangan Kerajaan terhadap penanaman kayu-kayan yang dapat menghasilkan kayu balak bermutu tinggi dan bagaimana tahap keseimbangan iklim di negara kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kadar pertumbuhan tanaman-tanaman kelapa sawit, getah dan koko di Malaysia bagi tempoh lima tahun (2005 - 2009) adalah seperti berikut:

- (i) Bagi tanaman kelapa sawit , kadar pertumbuhan ialah 15.79 peratus iaitu dari 4,051,370 hektar pada tahun 2005 bertambah ke 4,691,160 hektar pada tahun 2009.**

- (ii) Kadar pertumbuhan tanaman getah pula ialah -1.04 peratus iaitu dari seluas 1,250,000 hektar pada tahun 2005 berkurang ke 1,237,000 hektar pada tahun 2009.
- (iii) Kadar pertumbuhan tanaman koko ialah -62.4 peratus iaitu dari seluas 33,398 hektar pada tahun 2005 berkurang ke 20,561 hektar pada tahun 2009.

Kadar pertumbuhan terperinci tanaman-tanaman kelapa sawit, getah dan koko dari tahun 2005 sehingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun		Kelapa Sawit		Koko
2005	Keluasan (hektar)	4051370	1250000	33398
	Peratus	-	-	-
2006	Keluasan (hektar)	4165220		31186
	Peratus		1.09	-6.62
2007	Keluasan (hektar)	4304910	1248040	27947
	Peratus	3.35	-1.23	-10.39
2008	Keluasan (hektar)	4487960	1247030	20947
	Peratus		11111	-25.05
2009	Keluasan (hektar)	4691160	1237000	20561
	Peratus	4.53	-0.08	-1.84

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan menggalakkan penanaman kayu-kayan yang dapat menghasilkan

kayu balak bermutu tinggi. Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) menjelaskan akan kepentingan untuk menubuhkan ladang-ladang hutan dari spesies tempatan dan luar negeri yang cepat tumbesar dan bermutu tinggi bagi menampung bekalan kayu dari hutan asli serta untuk menggalakkan pelaburan swasta dalam pembangunan hutan melalui penubuhan hutan dalam kawasan persendirian. Dari segi pelaksanaan Dasar, ladang hutan yang mencukupi akan ditubuhkan di seluruh negara untuk menampung bekalan kayu. Usaha-usaha perladangan hutan di Semenanjung Malaysia untuk menghasilkan kayu gergaji dari jenis kayu bermutu tinggi telah bermula semenjak tahun 1950an di mana jenis-jenis pokok tempatan dan eksotik seperti dari spesies Meranti dan Jati (*Tectona grandis*) ditanam.

Penubuhan ladang hutan adalah penting untuk menyediakan bekalan kayu-kayan bagi menampung keperluan industri kayu negara. Namun begitu usaha-usaha hendaklah ditumpukan kepada penubuhan ladang hutan di kawasan-kawasan Tanah Kerajaan yang terbiar atau terosot kerana:

- i. Nilai Tanah Kerajaan adalah kurang berbanding dengan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang kaya dengan kepelbagaian biologi;
- ii. Memulih dan mengayakan kawasan Tanah Kerajaan dengan tanaman yang bermutu tinggi dan berpasaran; dan
- iii. Kawasan Tanah Kerajaan dapat diurus dengan teratur.

Tuan Yang DiPertua,

Perubahan iklim yang berlaku di merata dunia di mana bahangnya juga dirasai oleh rakyat Malaysia sejak akhir-akhir ini telah membawa kepada kejadian kemarau dan banjir yang lebih kerap, perubahan cuaca, kenaikan paras air laut, kekerapan serangan penyakit berunsurkan vektor serta telah menjejaskan pengeluaran sektor pertanian. Justeru itu, penubuhan ladang hutan dari spesies cepat tumbesar khususnya di kawasan-kawasan Tanah Kerajaan yang terbiar atau terosot dapat membantu menangani isu perubahan iklim ini.

Usaha penanaman pokok ini adalah juga selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan seperti yang dinyatakan semasa Persidangan Rio pada tahun 1992. Sehingga kini, jumlah keluasan kawasan berhutan negara adalah 56.4% dan jika termasuk kawasan-kawasan tanaman pertanian negara, ianya meliputi 75% daripada keluasan tanah negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)
TARIKH : 15 DISEMBER 2010
(RABU)

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah ada perancangan pemindahan Terminal Bas Bentayan di bandar Muar disenaraikan RMK- 10:-

- (a) nyatakan lokasi, kos pemindahan dan pembinaan serta kos pengambilalihan tanah yang terlibat; dan**
- (b) bilakah perancangan tersebut akan dilaksanakan dan diselesaikan.**

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Perbandaran Muar telah mengenalpasti lokasi terminal bas tersebut yang terletak di Jalan Ismail (tapak bengkel milik Majlis Perbandaran Muar). Status tanah yang bersebelahan tapak tersebut sedang dikenalpasti untuk tujuan peluasan kawasan cadangan pembinaan terminal bas tersebut. Kos yang terlibat dijangka sebanyak RM 4 juta.

Pihak Majlis Perbandaran Muar merancang untuk melaksanakan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Disember 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA JAWAB LISAN TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
TARIKH 15 DISEMBER 2010 (RABU)
SOALAN NO. 38

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) pada bulan September 2009 pensyarah Universiti Sains Islam (USIM) Yasmin Norhazleena Bahari Md. Nor telah mendakwa bahawa markah 65 penuntut dilaraskan untuk membolehkan mereka lulus peperiksaan. Adakah Kementerian membuat satu penyiasatan yang bebas mengenai dakwaan itu; dan
- (b) adakah amalan penyelarasan markah untuk penuntut-penuntut Universiti untuk membolehkan mereka lulus berleluasa di semua IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan yang dibuat oleh bekas pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tersebut berkenaan penetapan markah telah diteliti oleh Biro Pengaduan Awam dan Kementerian Pengajian Tinggi mendapati pihak USIM

telah mengambil tindakan pentadbiran berkenaan kes tersebut secara teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

- (b) Penetapan markah di IPTA tidak sepatutnya berlaku kerana setiap jawapan bagi soalan peperiksaan perlu mengikut skema jawapan yang telah ditetapkan. Pemeriksa akan menilai jawapan berdasarkan skema jawapan dan seterusnya diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti dan juga Senat Universiti. Sistem peperiksaan di IPTA adalah mengikut garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan dalam MS ISO 9001:2008.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

DARIPADA

LISAN

PERTANYAAN

15.12.2010

TARIKH Tuan

Chuan

**Tian Chang [Batu] minta MENTERI KEWANGAN
menyatakan:-**

- (a) apakah perkembangan cadangan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menjual aset tanah milik KTMB, Pos Malaysia dan Rubber Research Institute (RRIM); dan**
- (b) secara terperinci lokasi, keluasan, nilai pasaran dan pembeli bagi kawasan yang dinyatakan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah diletakhak di bawah

Perbadanan Aset Keretapi yang dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan.

Bagi tanah Pos Malaysia Berhad, sehingga kini tiada sebarang penjualan tanah miliknya kerana Kerajaan sedang di dalam proses untuk memberi pajakan kepada Pos Malaysia Berhad selama 60 tahun selepas mendapat anggaran nilai daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Jemaah Menteri bersetuju untuk memajakkan tanah tersebut untuk kegunaan perkhidmatan pos sahaja.

Bagi tanah milik Lembaga Getah Malaysia, walaupun ianya bukan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, tetapi Kerajaan telah memutuskan untuk melupuskan 2,675 ekar di Sg. Buloh kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan harga jualan sebanyak RM2.62 bilion iaitu pada RM22.50 sekaki persegi.

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH
(IGAN)**

TARIKH

15.12.2010

SOALAN:

Y.B. ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [IGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan menggabungkan sekolah-sekolah yang mempunyai murid kurang dari 100 orang terutamanya di Parlimen Igan serta kawasan luar bandar supaya murid-murid dan guru-guru boleh menikmati kemudahan-kemudahan seperti yang disediakan di sekolah-sekolah bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memandang berat keperluan semua murid tanpa mengira peringkat persekolahan, jantina atau lokasi. Semua maklumat terkini dan semua peluang disampaikan kepada setiap murid tanpa prajudis dan diskriminasi. Matlamat utamanya adalah supaya setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk maju, mendapat maklumat yang cukup untuk membuat keputusan dan berkeupayaan untuk memperkembangkan bakat tanpa mengira lokasi.

KPM memberi fokus kepada usaha membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan di luar bandar dan pedalaman; meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran; meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di pedalaman; dan menambahbaik sistem

pengagihan bantuan kepada murid miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti. Selain daripada itu, keutamaan diberikan kepada murid luar bandar dalam pemilihan ke sekolah berasrama penuh dan juga sebagai wakil dalam program-program khas yang memberi peluang kepada murid luar bandar memperkembangkan diri mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM masih belum menetapkan masa bagi menggabungkan sekolah-sekolah kurang murid kerana sebarang penutupan, perpindahan dan pencantuman sekolah kurang murid tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, sebaliknya memerlukan penelitian mendalam kerana perkara ini akan menimbulkan banyak implikasi. Pertimbangan tentang jarak, kemudahan pengangkutan, kesediaan kanak-kanak untuk bersekolah di sekolah baru, serta pandangan ibu bapa dan masyarakat setempat perlu diambil kira.